



TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
LAUNCH OF THE “WALL OF IRON STRONG” EXHIBITION

LOKASI / TARikh / MASA
IOI PUTRAJAYA MALL
20 AUGUST 2025 (SELASA)
3.00PM

Kemas kini 19 Ogos 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam majlis peluncuran '**The Wall of Iron Strong**', satu usaha penting demi kesihatan dan masa depan anak-anak Malaysia.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Danone Malaysia sebagai rakan strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam memerangi anemia kekurang zat besi kanak-kanak Malaysia. Terima kasih juga kepada semua yang hadir kerana turut serta menjayakan majlis ini.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Tujuan kita berkumpul di sini adalah untuk **membawa kesedaran kepada masyarakat** mengenai **isu anemia kekurangan zat besi dalam kalangan kanak-kanak** serta cara-cara untuk kita menanganinya bersama.

4. Kajian *Iron Strong Study* dari Danone mendapati bahawa **1 daripada 3 kanak-kanak berusia 6 hingga 36 bulan berisiko mengalami anemia kekurangan zat besi.** Risiko ini paling tinggi ketika usia 6 hingga 12 bulan (34.5%), dan masih tinggi pada usia 12 hingga 36 bulan (27.7%).
5. Angka-angka ini bukan sekadar statistik. Ia adalah cerminan cabaran sebenar yang sedang dihadapi oleh ramai keluarga di Malaysia, terutamanya ibu bapa muda yang mahukan yang terbaik untuk anak mereka.

-
-
-
-
-
6. Masalah ini bukanlah perkara yang kecil. Kekurangan zat besi boleh menjaskan tumbesaran fizikal, keupayaan pembelajaran dan juga keyakinan diri anak-anak. Sekiranya kita biarkan perkara ini, kesannya tidak hanya kepada anak-anak kita, tetapi juga kepada masa depan negara yang kita bina bersama.

7. Hari ini kita dapat melihat kisah-kisah hebat pada “*Wall of Iron Strong*” ini yang menunjukkan betapa pentingnya peranan pemakanan yang betul sejak usia awal. Kisah-kisah ini mengingatkan kita bahawa di sebalik setiap statistik, ada seorang insan dengan impian, cita-cita dan potensi luar biasa.

-
-
-
-
-
-
-
8. Apabila kita melihat wajah-wajah dan kisah di sebalik pameran ini, kita sedar bahawa setiap anak mempunyai potensi yang perlu dipupuk – bukan sekadar untuk diri mereka, tetapi untuk masa depan negara. Justeru, kita semua memikul tanggungjawab memastikan pemakanan yang betul diberikan sejak awal usia.

9. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap wanita, keluarga dan masyarakat, saya ingin menegaskan bahawa **KPWKM ialah kementerian yang melindungi dan membangunkan kanak-kanak.** Kesihatan zat besi adalah asas kepada tumbesaran yang sihat, minda yang cerdas, dan daya tahan menghadapi cabaran masa depan.

10. Atas sebab itu, kerajaan menyokong pelaksanaan **saringan mandatori anemia kekurangan zat besi di Klinik Kanak-Kanak di seluruh negara**. Ini bukan sekadar dasar, tetapi usaha kita kepada ibu bapa bahawa setiap anak Malaysia mendapat permulaan hidup yang sihat.

11. Langkah ini juga seiring dengan **Rancangan Malaysia Ke-13** yang menekankan kepentingan penjagaan kesihatan preventif dan perluasan akses kepada infrastruktur serta perkhidmatan asas, termasuk di kawasan luar bandar.
12. Namun, kerajaan tidak boleh bergerak bersendirian. Usaha ini memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta, komuniti dan keluarga.

13. Inilah semangat yang ditunjukkan oleh Danone Malaysia dan LPPKN melalui inisiatif ini. Marilah kita berganding bahu memastikan tiada anak Malaysia yang ketinggalan kerana masalah anemia. Dengan semangat itu, marilah kita terus melangkah bersama untuk membina generasi Malaysia yang lebih sihat, lebih kuat, dan lebih berdaya saing.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukatanya merasmikan *Pameran Iron Strong Wall*.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
20 Ogos 2025**